

Hubungan baik Chew dapat manfaatkan pengundi Kajang

Free Malaysia Today

12 March 2014

Oleh Zabidi Saidi

KAJANG: Hubungan baik calon BN dalam PRK Kajang, Datin Paduka Chew Mei Fun dengan kerajaan pusat dapat memberi manfaat kepada para pengundi Kajang.

Menurut Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Tawfik Abu Bakar, Chew sebagai bekas timbalan menteri, kelebihan ini boleh dimanfaatkan oleh beliau untuk membela nasib rakyat Kajang.

“Pengundi Kajang wajar memilih calon BN pada 23 Mac ini memandangkan kerusi parlimen Hulu Langat sudah dimiliki oleh PAS, sekutu PKR,” katanya kepada FMT.

Beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Tawau turut berada di pusat penamaan calon di Kompleks Sukan, Bandar Baru Bangi semalam mengiringi calon BN.

Chew Mei Fun menentang calon PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam pertandingan dua penjuru pada 23 Mac ini. PRK ini diadakan kerana mengisi kekosongan berikutan perletakan jawatan ADUN Kajang, Lee Chin Cheh.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei tahun lalu, Lee memperoleh majoriti 6,824 undi pada pertandingan enam penjuru di Kajang melibatkan calon BN, Berjasa dan tiga calon bebas.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), terdapat 39,278 pemilih berdaftar yang layak mengundi pada pilihan raya kecil DUN Kajang, termasuk 1,197 pengundi awal dan 26 pengundi dalam kategori tidak hadir atau berada di luar negara.

Jumlah keseluruhan pengundi itu terdiri daripada Melayu (48 peratus), Cina (40 peratus) dan India (10 peratus). Lima puluh peratus daripada jumlah pengundi adalah wanita.

Sebanyak 18 pusat mengundi akan dibuka, iaitu tiga pusat mengundi bagi undi awal pada 19 Mac ini, manakala 15 lagi pusat mengundi pada hari pengundian biasa iaitu 23 Mac.

Copyright © 2014 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/12/hubungan-baik-chew-dapat-manfaatkan-pengundi-kajang/>